

25 JUL 1997

Zaleha-Mengandung

500,000 WANITA MATI SETIAP TAHUN DALAM KES BERKAITAN MENGANDUNG

KUALA LUMPUR, 25 Julai (Bernama) -- Kira-kira 500,000 wanita mati setiap tahun dalam kes-kes berkaitan dengan mengandung, kesan dari pengiktirafan yang belum diberi kepada hak mereka untuk mempertahankan maruah dan autonomi seksual, kata Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajjah Zaleha Ismail.

Katanya menurut statistik Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), dari jumlah itu, 90 peratus berlaku di negara-negara membangun manakala 200 kematian di sebabkan oleh pengguguran yang tidak selamat.

Kekerapan mengandung juga ialah punca kepada beberapa bentuk kecatatan akal dan merupakan sebab utama penyakit anemia dan kesihatan yang terjejas di kalangan wanita, katanya.

Oleh itu menafikan hak reproduktif dan seksual wanita boleh menjurus kepada penafian hak asasi manusia yang dijamin oleh banyak undang-undang antarabangsa, kata Zaleha ketika merasmikan Perbincangan Panel Piagam Persekutuan Antarabangsa Keibubapaan Yang Dirancang (IPPF) mengenai Hak reproduktif dan Seksual di sini hari ini.

IPPF ialah sebuah pertubuhan perancangan Keluarga terbesar di dunia yang berusaha secara global untuk menggalakkan kesihatan reproduktif dan seksual dan perkhidmatan perancang keluarga.

Ia telah mewujudkan piagam mengenai hak reproduktif dan seksual berasaskan kepada undang-undang hak asasi manusia yang diiktirafkan.

Zaleha berkata kerap mengandung juga menghalang pembangunan untuk wanita, menafikan haknya untuk mempunyai identiti sendiri dan menyumbang kepada ideologi yang melihat wanita hanya dalam kaitan mereka sebagai isteri dan ibu.

Kekurangan autonomi seksual juga menyebabkan berlakunya dera seksual dan penyiksaan terhadap wanita yang menghancurkan maruah mereka dan menafikan hak mereka sebagai manusia.

Zaleha berkata Malaysia sebagai pendahulu di dunia membangun mempunyai peranan dalam penggalakkan dan perlindungan hak dan kesihatan reproduktif dan seksual.

Beliau berharap perbincangan satu hari itu yang bertema "Menyediakan Agenda" akan berjaya mengenalpasti kaedah-kaedah yang praktikal bagi menangani isu-isu itu untuk kebaikan bukan sahaja wanita tetapi juga kaum lelaki dan kanak-kanak.

Matlamat panel itu ialah untuk membincangkan secara mendalam aspek-aspek piagam IPPF bagi diperkenalkan kepada rantau timur Asia Tenggara dan Oceania (ESEAO).

Antara penceramah pada perbincangan panel itu ialah presiden Majlis Aids Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir, pengerusi rantau IPPF-ESEAO, Dr Wu Jieping dan pengarah Persatuan Perancang Keluarga Denmark, Nell Rasmussen.

-- BERNAMA

RHM WAT